

10/06/2003

Pertumbuhan lebih 4.5 peratus boleh dicapai

Mohd Azlan Jaafar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan yakin ekonomi negara boleh berkembang melebihi 4.5 peratus tahun ini jika Pakej Strategi Baru yang diumumkan bulan lalu dilaksanakan dengan gigih oleh semua yang terbabit.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin pakej itu mampu merangsang semula kegiatan ekonomi.

"Pakej ini perlu dilaksanakan dengan gigih oleh semua pihak supaya objektifnya dapat dicapai.

"Kerajaan yakin langkah ini mampu menjana semula pertumbuhan ekonomi melebihi paras 4.5 peratus yang diunjurkan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata setakat ini pakej berkenaan sudah memberikan kesan positif kepada keyakinan pelabur dan ekonomi negara.

Beliau berkata, ia boleh dilihat daripada pergerakan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak pakej itu diumumkan.

"Orang ramai memberi reaksi sangat baik, dan buat pertama kali pasaran saham kita tidak mengikut pergerakan di Bursa Saham New York.

"Selalunya, (pasaran saham) kita akan naik dan turun mengikut pergerakan

Dow Jones, tetapi kini sementara Dow Jones turun kita masih naik.

"Ini sesuatu yang baik," katanya selepas mempengerusikan dialog Bajet 2004 bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan di Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya kesan pelaksanaan Pakej Strategi Baru yang bertujuan merangsang ekonomi negara yang terjejas berikutan ketidaktentuan dalam ekonomi dunia akibat serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Sejak kerajaan mengumumkan Pakej Strategi Baru itu pada 21 Mei lalu, Indeks Komposit di BSKL sudah menokok hampir 50 mata.

Penanda aras utama prestasi di bursa tempatan itu naik 3.41 mata kepada

640.37 mata selepas pengumuman berkenaan.

Khamis lalu ia melonjak kepada 682.43 mata dan bergerak ke paras tertingginya tahun ini, iaitu pada 685.25 mata pada penutup dagangan tengah hari semalam.

IK bagaimanapun ditutup pada 684.41 mata pada penutupan dagangan semalam.

Dalam Pakej Strategi Baru yang bernilai RM7.3 bilion itu, kerajaan menggariskan empat strategi utama dan 90 langkah bagi menjana kegiatan ekonomi negara secara menyeluruh.

Empat strategi itu yang memberi tumpuan kepada menjana kegiatan ekonomi menggunakan sumber dalam negara dan mengurangkan penggantungan kepada sektor luar negara, ialah menggalakkan pelaburan swasta; memperkukuhkan daya saing negara; menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.

Antara langkah utama yang diumumkan dalam pakej itu ialah penubuhan Skim

Kredit Mikro dengan dana berjumlah RM1 bilion bertujuan memudahkan peniaga kecil mendapatkan pinjaman dan mengelak mereka meminjam daripada peminjam haram serta menambah dana Tabung Untuk Makanan sebanyak RM1 bilion bagi membiaya projek pengeluaran makanan.

Langkah lain termasuk memudahkan pemilikan rumah, terutamanya di kalangan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana menerusi pelancaran Projek Harapan serta penawaran pembiayaan dengan kadar faedah rendah.

Caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga dikurangkan daripada 11 peratus kepada sembilan peratus bagi tempoh setahun bermula 1 Jun lalu bagi merangsang kegiatan ekonomi domestik.

Kerajaan juga memudahkan pegangan saham oleh pelaburan asing bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan pelaburan asing dalam syarikat yang disenaraikan, sejajar dengan Pelan Induk Pasaran Modal.